

Um - 23/4/2004, m/s: 1,4

AS perlu jujur — Abdullah

Tiga negara diwakili oleh Menteri Luar iaitu Palestin, Farouk Kaddoumi; Indonesia diwakili oleh Dr. N. Hassan Wirajuda dan Pakistan oleh Mian Khurshid Mahmud Kasuri.

Tiga negara lagi diwakili oleh Menteri Negara iaitu Turki oleh Besir Atalay, Maghribi oleh Abbes El-Fassi dan Arab Saudi oleh Musad Muhammad Al-Aiban manakala Iran oleh Timbalan Menteri Antarabangsa dan Hal Ehwal Undang-undang, Ghoamali Khoshuroou semantara Iraq oleh Setiuasaha Rendah, Hamid Al-Bayati.

Perdana Menteri berkata, amat malang sekali bahawa pentadbiran AS menyokong tindakan sebelah pihak Israel dan 'Surat Jaminan' yang diberikan oleh AS berhubung konflik terbaru di Palestin merupakan satu pelanggaran kepada norma-norma keadilan antarabangsa serta memberi keyakinan kepada satu pihak dan risiko kepada pihak yang lain.

"Rancangan Israel bertentangan dengan persetujuan yang dicapai oleh ketiga-tiga pihak iaitu AS, Israel dan Palestin dalam peta damai di Timur Tengah," katanya.

Abdullah menegaskan, pendirian Malaysia adalah jelas bahawa negara ini mengutuk tindakan Israel membunuh penduduk awam melalui pembunuhan yang dirancang, hukuman terdilih, pendudukan di bandar,

kampung dan khemah-khemah Palestin, meruntuhkan bangunan Pihak Berkuasa Palestin (PLA) serta meruntuhkan ekonomi Palestin.

Beliau berkata, Malaysia bersama-sama dengan negara lain menolak tindakan sebelah pihak Israel kerana ia bertentangan dengan peta jalan keamanan.

"Rancangan itu membahayakan isu asas yang amat penting kepada konflik Palestin dan Israel malahan rancangan itu akan meruntuhkan sepenuhnya proses damai di Timur Tengah," katanya.

Meruntuhkan

Perdana Menteri berkata, tugas OIC ialah memastikan isu mengenai Palestin kekal menjadi isu utama dunia dan sekiranya kerajaan gagal untuk memberi keadilan kepada Palestin, mungkin sudah tiba masanya kes Palestin dibawa ke mahkamah pendapat umum.

Jelas beliau, mungkin penduduk dunia boleh mencapai kejayaan ketika kerajaan gagal mencapai penyelesaian tersebut.

"Adakah akan wujud pergerakan masyarakat global untuk membawa bendera Palestin?" soal beliau.

Mengenai isu Iraq, Abdullah memberitahu, beliau mengalu-alukan langkah yang diambil oleh AS untuk mematuhi jadual

yang ditetapkan bagi memindahkan kuasa pemerintahan kepada rakyat Iraq pada 30 Jun ini.

Abdullah berkata, beliau berharap tidak akan berlaku perkara yang boleh membatalkan rancangan tersebut terutama terhadap jaminan Presiden As, George Bush bahawa negara itu akan mematuhi tarikh 30 Jun untuk menyerahkan kuasa kepada rakyat Iraq.

Beliau juga mahu masyarakat antara bangsa memikirkan secara serius untuk memberikan peranan utama kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai isu Iraq.

"AS perlu mengambil inisiatif untuk membentangkan resolusi kepada Majlis Keselamatan PBB bagi memberi kuasa kepada PBB mengambil peranan utama di Iraq terutama untuk memberi kuasa yang lebih di bawah Resolusi 1511 yang diluluskan pada tahun lepas.

Perdana Menteri berharap mesyuarat khas OIC ini akan dapat mencapai kata sepakat dalam menyelesaikan masalah Palestin dan Iraq.

Tegas beliau, kerjasama, perpaduan dan bersatu adalah penting sekiranya pandangan bersama OIC mahu didengar dan dihormati oleh masyarakat antarabangsa.